

**TEKS UCAPAN  
Y. BHG. DATUK SEMPENA  
PERTANDINGAN SAJAK DAN PIDATO  
KEMERDEKAAN  
PERINGKAT NEGERI MELAKA**

**HOTEL GOLDEN LEGACY  
24 OGOS 2002**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WBTKH. DAN SALAM  
SEJAHTERA**

**YANG BERUSAHA SDR & SDRI Pengerusi  
MAJLIS**

**Y. B. DATO' HAJI KHALID YUNUS  
TIMBALAN MENTERI PENERANGAN**

**Y. B. DATUK HAJI LONG SAID  
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan  
NEGERI MELAKA**

**Y. BHG. PROFESOR ISMAIL HASSAN  
TIMBALAN REKTOR AKADEMIK**

**Y. BHG. PROFESOR DR. AZHARI SALEH  
TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN DAN  
PERANCANGAN KORPORAT**

**Y. BERUSAHA PENGARAH  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DAN DEKAN-  
DEKAN KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL  
KEBANGSAAN MALAYSIA**

**WAKIL-WAKIL MEDIA**

**PARA GURU, PELAJAR DAN SETERUSNYA  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA  
HORMATI SEKELIAN**

**1. TERLEBIH DAHULU INGIN SAYA  
MEMANJAT RASA KESYUKURAN KE  
HADRAT ILAHI KERANA DENGAN  
KURNIA DAN INAYAHNYA DAPAT  
KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL  
PADA HARI INI UNTUK SATU LAGI  
PROGRAM SEMARAK  
KEMERDEKAAN, IAITU  
PERTANDINGAN SAJAK DAN  
PIDATO KEMERDEKAAN  
PERINGKAT NEGERI MELAKA.**

**2. SAYA BAGI PIHAK KOLEJ  
UNIVERSITI TEKNIKAL  
KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)  
INGIN MERAKAMKAN UCAPAN  
TERIMA KASIH YANG TERHINGGA**

DI ATAS KESUDIAN Y.B. DATO' HAJI KHALID YUNUS UNTUK TURUT SAMA HADIR BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS.

3. TIDAK LUPA JUGA KEPADA KESEMUA PIHAK YANG TELAH TURUT TERLIBAT SAMA MENJAYAKAN PERTANDINGAN INI SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG TERUTAMANYA PARA PESERTA, GURU-GURU, DAN INSTITUSI-INSTITUSI SERTA URUS SETIA PENGANJUR. TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN.

4. MEMANDANGKAN INI MERUPAKAN KALI PERTAMA Y.B. DATO' DAN BEBERAPA TETAMU YANG LAIN HADIR KE MAJLIS KUTKM, MAKA SAYA RASA LEBIH ELOK SEKIRANYA SAYA MEMPERKENALKAN KUTKM SECARA RINGKAS KEPADA Y.B. DATO' DAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN.

5. KUTKM TELAH DITUBUHKAN PADA 1 DISEMBER 2000 DI MANA IANYA BERTITIK-TOLAK DARIPADA KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI MASA HADAPAN.

6. IANYA BAGI MELAHIRKAN SUMBER TENAGA PROFESIONAL BIDANG TEKNIKAL YANG BUKAN SAHAJA MEMPUNYAI KELAYAKAN AKADEMIK YANG MANTAP TETAPI JUGA MEMPUNYAI KEMAHIRAN DAN KETRAMPILAN TEKNIKAL YANG TINGGI.

7. DAN BAGI PERINGKAT AWAL INI, KUTKM BEROPERASI DI KAMPUS SEMENTARA DI TAMAN TASIK UTAMA, AYER KEROH, MELAKA. INSYAALLAH, 20 BULAN DARI SEKARANG KAMPUS TETAP AKAN SIAP DIBINA DI DURIAN TUNGGAL

DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN SEBANYAK 600 JUTA.

8. PENGAMBILAN PERTAMA PELAJAR PULA TELAH DILAKUKAN PADA JUN 2001 DENGAN SERAMAI 348 PELAJAR. SEHINGGA KINI, BILANGAN PELAJAR TELAH MENJANGKAU 1500 PELAJAR.

Y.B. DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA PELAJAR SEKELIAN,

9. WALAUPUN KUTKM PADA DASARNYA ADALAH MERUPAKAN SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL YANG BERTERASKAN KEJUTERAAN

DAN ICT, NAMUN IANYA TIDAK BERMAKNA KUTKM HANYA BERPERANAN MELAHIRKAN SAINTIS DAN TEKNOKRAT SEMATA-MATA. MALAHAN IANYA LEBIH DARIPADA ITU.

10. SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI KEILMUAN, TUGAS MEMBENTUK DAN MELAHIRKAN GRADUAN YANG SEIMBANG MENJADI MATLAMAT KAMI DI KUTKM. JUSTERU, AGENDA PEMBINAAN GENERASI PEMIMPIN MASA HADAPAN YANG MATANG, TERDIDIK DAN BERPANDANGAN LUAS SENTIASA

11. SELAIN DARIPADA ITU, SEMANGAT DAN PENGHAYATAN NILAI-NILAI KEMERDEKAAN DAN PATRIOTISME JUGA SENTIASA DITERAPKAN DI DALAM AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN APATAH LAGI DI KETIKA NEGARA SEDANG BERSIAP-SEDIA UNTUK MENYAMBUT ULANG TAHUN KEMERDEKAAN YANG KE 45.

12. ATAS DASAR ITU, PERTANDINGAN SAJAK DAN PIDATO KEMERDEKAAN PADA HARI INI ADALAH MERUPAKAN ANTARA AKTIVITI PENGUKUHAN PADA NILAI-NILAI

TERHADAP NEGARA YANG  
DIJALANKAN. INI PENTING  
KERANA KEMERDEKAAN PERLU  
DIHAYATI DAN DIISI DENGAN  
SEBAIKNYA-BAIKNYA BUKAN  
SEKADAR DENGAN LAUNGAN DAN  
PEKIKAN MERDEKA SEMATA-MATA.

13. DALAM KONTEKS INI, SAJAK  
SEBAGAI SATU CABANG SENI,  
MEMPUNYAI PENGARUH DAN  
KUASA BAGI MEMUJUK DAN  
MEPENGARUHI PEMIKIRAN DAN  
MINDA. MESEJ YANG DISELITKAN  
DI DALAM MAMPU MENEMBUS DAN  
MEMECAH RUANG DAN TEMBOK  
SEKIRANYA DISAMPAIKAN

DENGAN PENUH SEMANGAT DAN  
PENGHAYATAN.

14. MANAKALA PIDATO SEBAGAI SATU  
SENI BERKOMUNIKASI DI  
KHALAYAK RAMAI JUGA MAMPU  
BERPERANAN SEPERTI SAJAK DI  
DALAM MEMUJUK DAN MENEMBUSI  
PEMIKIRAN DAN MINDA  
PENDENGAR. SELAIN ITU IA JUGA  
MELATIH PEMIDATO UNTUK  
BERFIKIRAN KRITIS DAN KREATIF  
DI DALAM MEYAMPAIKAN HUJAH  
DAN PERDEBATAN.

15. MELIHATKAN KEPADA KELEBIHAN  
DAN KEISTIMEWAAN YANG

TERDAPAT DI DALAM KEDUA-DUA MEDIUM INI, MAKA DIRASAKAN AMAT BERSESUAIAN SEKALI JIKA IANYA DIPILIH SEBAGAI WAHANA DI DALAM PENGISIAN SAMBUTAN KEMERDEKAAN. SAYA SECARA PERIBADI MENGHARAPKAN AGAR MESEJ YANG DISAMPAIKAN DI DALAM SETIAP SAJAK DAN PIDATO PADA HARI INI MAMPU MENGAJAK KITA UNTUK MENGHAYATI ERTI MENJADI SEBUAH NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA.

Y.B. DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA PELAJAR SEKELIAN,

16. ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SETIAP INDIVIDU DI NEGARA INI DI DALAM MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAANNYA. NAMUN BEGITU, SEMANGAT DAN PENGHAYATAN TIDAK AKAN BERLAKU SEKIRANYA TIADA PENGISIAN YANG BERMAKNA DILAKUKAN. PERTANDINGAN HARI INI ADALAH MERUPAKAN SATU DARIPADA SUMBANGAN KECIL YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH KUTKM DAN SETIAP YANG TERLIBAT PADA HARI INI.

**17. INSYAALLAH, KAMI DI KUTKM  
AKAN MEMPERGIATKAN DAN  
MEMPERBANYAKKAN LAGI  
AKTIVITI SEUMPAMA INIBAGI  
MEMASTIKAN NEGARA KITA  
MEMPUNYAI RAKYAT YANG  
MERDEKA BUKAN HANYA SEKADAR  
FIZIKALNYA TETAPI JUGA MINDA  
DAN JIWANYA.**

**18. SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN  
RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA  
SEMUA YANG TERLIBAT BAIK DARI  
SEGI PENGANJURAN MAHUPUN  
PENYERTAAN KERANA BERJAYA  
MENGHIDUPKAN PERTANDINGAN  
INI DENGAN SEMANGAT MERDEKA.**

**SEKIAN, WABILLAHI TAUFIK WAL  
HIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WBKTH.**